

Sime Darby Jual Port Dickson Power Kepada Malakoff Dengan Harga RM300 Juta Bernama

7 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Sime Darby Bhd akan menjual perniagaannya kuasanya di Malaysia di bawah Port Dickson Power Bhd (PDP) kepada Malakoff Corporation Bhd dengan harga RM300 juta, tunai.

Penjualan susulan kajian strategi perniagaannya itu adalah sejajar dengan strategi jangka panjang kumpulan itu untuk menjadi peneraju dalam sektor perladangan, kelengkapan industri, motor, harta dan tenaga serta utiliti.

"Kami akan menggunakan pendapatan (daripada penjualan ini) untuk memperkukuh perniagaan kami yang sedia ada," kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Bakke Salleh, dalam satu kenyataan hari ini.

Malakoff, melalui anak-anak syarikatnya, akan membeli baki 75 peratus PDP yang belum dimilikinya serta 100 peratus syarikat operasi dan penyenggaraan, Sime Darby Biofuels Sdn Bhd (SPV), daripada Sime Darby Energy Sdn Bhd, sebuah unit milik penuh Sime Darby.

Urus niaga ini dijangka selesai menjelang 30 Jun, 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028630>